

Toponimi Sakai-Melayu di Riau

Sakai-Malay Toponyms in Riau

MOHAMMAD FADZELI JAAFAR, SAILAL ARIMI, SUKMA ERNI & ZAIDI ISMAIL

ABSTRAK

Toponimi ialah kajian saintifik tentang penamaan sesuatu tempat. Kajian toponimi bersifat rentas disiplin, yang melibatkan bidang linguistik, geografi, sejarah, budaya, sosial dan politik. Kajian ini bertujuan untuk menyiasat etimologi dan mengklasifikasi nama tempat yang berkaitan dengan bahasa Sakai di Riau. Secara khusus, kawasan kajian tertumpu di Mandau dan Pinggir. Kajian ini menggunakan pendekatan toponimi deskriptif, yang tertumpu pada aspek geografi dan sejarah. Pengumpulan data dilakukan berdasarkan kaedah fotografi dan temu bual separa berstruktur. Hasil kajian mendapati bahawa nama tempat di Riau menggunakan hukum D-M, misalnya Sungai Mandau dan Jalan Kayu Manis. Pola nama tempat di kawasan boleh dibahagikan kepada 4, iaitu bahasa Sakai, bahasa Melayu, bahasa Jawa dan bahasa Arab. Kategori toponimi terbahagi kepada dua, iaitu toponimi natural dan toponim ciptaan. Hasil kajian mendapati nama tempat di Riau cenderung menggunakan toponimi natural, yang berkaitan flora (Jalan Mawar, Sungai Sikai) dan fauna (Gajah Sakti), manakala toponimi ciptaan terdiri dari nama umum dan nama khusus. Nama umum merujuk kepada nama am, misalnya Jalan Rokan dan Jalan Damai. Nama khusus pula memilih nama komemoratif dan tokoh tempatan, misalnya Jalan Jeneral Sudirman dan Jalan Tambusai. Keseluruhannya, nama tempat di Riau cenderung menggunakan bahasa Sakai, yang banyak dipengaruhi alam sekitar.

Kata kunci: Etimologi; Bahasa Sakai; Riau; Toponimi Natural; Toponimi Ciptaan

ABSTRACT

Toponymy is the scientific study of place naming. It is an interdisciplinary field that involves linguistics, geography, history, culture, society, and politics. This study aims to investigate the etymology and classify place names related to the Sakai language in Riau. Specifically, the study focuses on the areas of Mandau and Pinggir. A descriptive toponymic approach is used, emphasizing geographical and historical aspects. Data collection was carried out through photography and semi-structured interviews. The findings reveal that place names in Riau follow the D-M rule, such as Sungai Mandau and Jalan Kayu Manis. The patterns of place names in the area can be divided into four different languages: Sakai, Malay, Javanese, and Arabic. Toponyms are categorized into two types: natural toponyms and created toponyms. The study found that place names in Riau tend to use natural toponyms, related to flora (Jalan Mawar, Sungai Sikai) and fauna (Gajah Sakti), while created toponyms consist of general and specific names. General names refer to common names, such as Jalan Rokan and Jalan Damai. Specific names include commemorative names and local figures, such as Jalan Jeneral Sudirman and Jalan Tambusai. Overall, place names in Riau tend to use the Sakai language, which is heavily influenced by the natural environment.

Keywords: Etymology; Sakai Language; Riau; Natural Toponymy; Manmade Toponymy

PENDAHULUAN

Toponimi berasal daripada perkataan Latin, iaitu ‘topoi’ (*place*) dan ‘onoma’ (*name*), yang bermaksud memberi nama kepada sesuatu tempat/kawasan. Kajian toponimi melibatkan beberapa aspek seperti etimologi, makna dan evolusi (Malak Alaski 2019). Lazimnya, penamaan sesuatu tempat dihubungkan

dengan orang atau peristiwa tertentu. Setiap nama tempat mempunyai sejarah di sebaliknya, iaitu nama yang diberikan pada waktu tertentu, dengan alasan tertentu. Contohnya, *Stratford-upon-Avon* ialah nama bandar yang menjadi tarikan pelancong di seluruh dunia kerana dikaitkan dengan tempat kelahiran penyair British yang terkenal, iaitu William Shakespeare. Hal ini menunjukkan bahawa proses

menamakan sesuatu kawasan/tempat berkaitan dengan tokoh tertentu dalam masyarakat adalah signifikan. Dalam konteks hari ini, toponimi bukan sekadar mengkaji nama dan tempat, tetapi impak toponimi terhadap manusia dan masyarakat (Lisa Radding 2008).

Secara tradisional, kajian toponimi cuba untuk menjawab atau mengetahui asal-usul nama sesuatu tempat. Soalan yang tipikal berkaitan dengan toponimi ialah siapakah menamakan nama tempat ini? atau bagaimana tempat ini mendapat nama? Sesungguhnya, proses penamaan sesuatu melibatkan pelbagai aspek. Justeru itu, kajian toponimi termasuk dalam bidang interdisiplin iaitu melibatkan pelbagai bidang ilmu, misalnya linguistik, geografi dan sejarah (Khusnudin et al. 2019). Dari segi linguistik, toponimi berkaitan dengan struktur dan sistem bahasa. Aspek geografi pula mempengaruhi penamaan sesuatu tempat, misalnya topografi, hidrologi, morfologi, biologi dan fizikal. Manakala aspek sejarah dalam toponim berkaitan dengan asal-usul nama, sama ada sinkronik atau diakronik. Misalnya, Duong Thi Ngu (2021) dalam kajiannya mendapati kebanyakan nama tempat di Vietnam dibentuk berdasarkan ciri geografi, sejarah, budaya dan etnik. Selain itu, Asmah Haji Omar (1987: 99) menambah bahawa penamaan tempat melibatkan juga aspek ekstralinguistik, ciri persekitaran (topografi, flora dan fauna) dan aspek budaya dan sosiologi (termasuklah lagenda, kepercayaan dan sejarah).

Umumnya, penelitian toponimi terbahagi kepada dua iaitu etimologi dan pengklasifikasian nama tempat (Tent 2015). Kajian ini bertujuan untuk menganalisis aspek linguistik toponimi bahasa Sakai di Riau dan menjelaskan faktor yang mempengaruhi penamaan sesuatu tempat. Kajian ini akan menggunakan pendekatan toponimi deskriptif, yang berfokus pada faktor geografi, sejarah dan sosiobudaya (tradisi lisan). Data dikumpul melalui kaedah fotografi dan temu bual separa berstruktur. Kajian ini tertumpu pada toponimi yang berkaitan dengan orang Sakai di daerah Mandau dan Pinggir, di Riau.

ORANG SAKAI

Orang Sakai (juga dikenali sebagai Orang Batin) merupakan salah satu etnik asli di Wilayah Riau, selain etnik Akit, etnik Talang Mamak dan etnik Laut. Wilayah Riau juga dikenali sebagai wilayah Melayu, dan merupakan salah satu daripada 27

wilayah yang terdapat di Indonesia (Parsudi 2000). Bandar utama di Riau ialah Pekanbaru yang terdiri dari enam daerah (districts). Perkataan ‘Sakai’ mempunyai makna yang problematik. Misalnya, *Sakai* dirujuk kepada populasi yang tinggal di hutan di bawah kerajaan Melayu (Skeat & Blagden 1906 dalam Nathan Porath 2018). Dalam tulisan lain, kata *Sakai* mempunyai konotasi merendahkan diri dan kasar kerana dikaitkan dengan ‘tidak bertamadun’ dan hamba (Fina Musta’ina et al. 2017). Etimologi kata *Sakai* juga problematik, iaitu ada pengkaji yang mendakwa bahawa perkataan ini berasal daripada bahasa Sanskrit, *sakki* yang bermaksud ‘kawan/rakan’. Pandangan lain pula menyatakan perkataan *Sakai* diambil daripada bahasa Jepun yang bermaksud kebal (immune) atau kuat iaitu semasa pendudukan Jepun kaum Sakai telah membantu pihak Jepun dalam peperangan. Justeru, ketua Sakai mempunyai imuniti atau kebal – tidak boleh diganggu oleh askar Jepun.

Dari segi sejarah pula, ada pengkaji yang berpandangan orang Sakai berasal dari Pagaruyung di Sumatera Barat yang mencari penempatan baru di Riau untuk kelangsungan hidup (Totok & Zulfa 2010; Ellya, Yasnel & Mirawati 2019; Sukma Erni & Cut Raudhatul 2022). Berdasarkan penelitian Ellya, Yasnel dan Mirawati (2019) kini kaum Sakai banyak tersebar di Kecamatan (mukim) Mandau dan Kecamatan Batin Solapan, Bengkalis. Kawasan ini majoritinya dihuni oleh kaum Sakai. Kaum Sakai hidup dalam komuniti dan persekitaran mereka dan kurang bersosial dengan kaum lain (Supardi 2000; Sukma Erni & Cut Raudhatul 2022). Kehidupan dan aktiviti kaum Sakai bergantung pada sumber alam seperti memburu, bertani, menangkap ikan dan mencari madu lebah di hutan.

Manakala di Malaysia, istilah *Sakai* juga mempunyai maksud yang rumit. Kata ‘Sakai’ atau ‘Jakun’ mempunyai konotasi yang negatif iaitu merujuk kepada suku kaum yang tinggal di hutan dan ketinggalan dari arus pembangunan. Sebagaimana di Indonesia, kata *Sakai* di Malaysia juga membawa maksud ‘hamba’ (Tuan Pah Rokiah, Devanamy & Asan Ali 2017). Susulan peristiwa darurat di antara tahun 1948-1960, perkataan ‘Sakai’ telah diganti kepada ‘Orang asli’ (Original people atau natural people) pada tahun 1966. Manakala frasa *Orang Asli* telah diguna pakai dalam konteks kerajaan, media massa dan penerbitan akademik di Malaysia sehingga ke hari ini. Umumnya, di Malaysia terdapat 3 suku bangsa Asli yang dikategorikan sebagai Sakai iaitu Semang, Senoi dan Jakun (Nagata 2006).

Dari segi bahasa pula, bahasa Sakai yang digunakan di Riau merupakan salah satu variasi bahasa Melayu dan lebih hampir dengan bahasa Melayu dan bahasa Minangkabau. Hal ini diperkukuhkan melalui *Kamus Sakai - Indonesia – Jerman* (2003) yang disusun oleh Kalipke yang menunjukkan asal-usul bahasa Melayu sehingga diangkat sebagai bahasa kebangsaan di Indonesia. Menurut Burhanuddin (2021) bahasa Sakai telah banyak dikaji dari aspek sinkronik, misalnya

Lubis et al. (1985), meneliti struktur bahasa Sakai dan Martono et al. (1995) menumpu pada aspek morfologi dan sintaksis bahasa Sakai. Manakala Burhanuddin (2021) melakukan kajian diakronik terhadap bahasa Sakai dan bahasa Melayu standard dari aspek fonologi dan leksikal. Hasil kajiannya telah membuktikan wujudnya persamaan bunyi untuk kedua-dua bahasa ini seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Perbandingan bahasa Sakai dan bahasa Melayu

Bahasa Sakai	Bahasa Melayu standard
<i>kanan</i>	<i>kanan</i>
<i>jalan</i>	<i>jalan</i>
<i>pandan</i>	<i>pandan</i>
<i>ujan</i>	<i>hujan</i>
<i>paneh</i>	<i>panas</i>

Walaupun wujud sedikit perbezaan bunyi, misalnya pengguguran bunyi /h/ di awal suku kata untuk *hujan* dan bunyi /e/ berbanding /a/ untuk kata *panas* dalam bahasa Melayu standard, tetapi hal ini lebih kepada variasi sebutan. Hasil perbandingan 200 kosa kata kedua-dua bahasa pula memperlihatkan banyak persamaan, misalnya *tangan, gigi, mata, rumah* dan *atap*. Sekali gus data ini telah menjelaskan bahawa bahasa Sakai ialah variasi daripada bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya terdapat dua pendekatan yang digunakan oleh pengkaji toponimi iaitu toponimi deskriptif dan toponimi kritikal. Toponimi deskriptif memberi tumpuan pada 2 aspek iaitu (i) mengumpul nama tempat dan menjelaskan sejarah nama tempat tersebut dan (ii) menganalisis struktur/ciri linguistik yang ada pada nama tempat. Contoh kajian lepas yang menggunakan pendekatan toponimi deskriptif ialah Intan, Lia dan Ypsi (2020) yang mengkaji Kecamatan di Bandung dengan mengelaskan nama tempat berdasarkan peraturan toponimi. Hasil kajian mendapati bahawa 30 nama Kecamatan di Bandung menggunakan tiga proses morfologi iaitu kata majmuk, kata pinjaman dan percampuran. Peraturan toponimi di kawasan ini terdiri dari kata nama khas tunggal, gabungan kata nama umum dan khas dan gabungan kata nama khas dan adjektif. Kajian yang lebih terkini berdasarkan pendekatan toponimi deskriptif dilakukan oleh Wahyu Fajar,

Chatarina & Nurhadi (2022) tentang nama kampung di Daerah Klego. Tujuan kajian ini adalah untuk mendapatkan pola penamaan berdasarkan aspek geografi dan sejarah. Data dikumpul melalui temu bual bersama pihak berkepentingan dan komuniti tempatan yang tahu tentang etimologi nama di kawasan kajian. Hasil kajian mendapati nama tempat di daerah Klego adalah berdasarkan aspek fizikal iaitu biologi (*Tanjung*), hidrologi (*Kedung*) dan geomorfologi (*Gunung*), aspek sosial (tempat khusus, nama bangunan bersejarah, nama tokoh) dan aspek budaya lagenda (*folklore*).

Kajian yang hampir sama dilakukan oleh Ujang, Cece, Gugun dan Ahman (2019) menggunakan toponimi deskriptif dalam kalangan etnik Sunda di Pamijahan yang terletak di daerah Bantarkalong, Jawa Barat. Data diperoleh dari informan tempatan dan dokumen kerajaan tempatan. Analisis data berdasarkan aspek morfologi dan semantik. Misalnya, nama *Pamijahan* terbentuk dari 4 suku kata, *Pa-mi-jah-an* dan 3 proses morfologi iaitu awalan *pa* + kata dasar *mijah* + akhiran *an* yang menggambarkan cara pemikiran yang kompleks tentang toponim. Dari segi makna, kata *Pamijahan* dalam bahasa Sunda bermaksud '*the place for fish lays egg*' atau secara konotasinya merujuk kepada tempat yang mempunyai ramai orang (*the place with crowded people*). Maksud ini mempunyai kaitan langsung dengan penemuan dua tapak arkeologi di sini, iaitu Makam Syeh Abdul Muhyi dan Safarwadi yang telah menarik ramai pelancong. Selain itu, Tamara (2014) turut mengaplikasi pendekatan

toponimi deskriptif dalam konteks menamakan tempat di England. Tujuan kajiannya adalah untuk memperlihatkan struktur, asal-usul dan ciri khusus nama tempat yang wujud dalam bahasa Inggeris moden berdasarkan pendekatan interdisiplin (budaya, sejarah dan geografi). Dapatan kajiannya mendapati nama tempat di England mengambil beberapa proses morfologi, misalnya *hybrid* (*Silverstone* → *Sewulfs* + *ton*) dan *doublication* (*Torpenhow Hill* → *tor* + *pen* + *how* + *Hill*). Kebanyakan nama tempat juga menggunakan kata majmuk, misalnya *Coventry*. Rumusannya, nama kediaman di England adalah pelbagai, termasuklah berkaitan ciri landskap, misalnya sungai, tasik, jalan, saluran, bukit dan lembah.

Manakala, toponimi kritikal lebih tertumpu pada penamaan tempat yang berhubungan dengan praktis sosial, misalnya pembinaan bangsa, kuasa undang-undang dan ideologi politik yang wujud di sebalik nama sesuatu tempat. Dalam perkataan lain, toponimi kritikal menganalisis pengaruh aspek sosiobudaya, sosioekonomi dan politik dalam konteks penamaan sesuatu tempat. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Madden (2017) di New York. Hasil kajian Madden mendapati bahawa nama kejiranan (*neighborhood*) di New York dipengaruhi oleh faktor sosial dan politik. Misalnya, terdapat beberapa nama tempat yang berkaitan dengan golongan minoriti dan imigran, seperti *Chinatown*, *Kleindeutschland*, *Little Italy* dan *Little Russia*. Selanjutnya, Nurhayati (2018) mengkaji penamaan kawasan kediaman moden di Semarang. Data diperoleh dari laman sesawang pemaju perumahan dan dianalisis berdasarkan Analisis Wacana Kritis oleh Fairclough. Hasil kajian mendapati nama kawasan perumahan dibentuk daripada bahasa Inggeris dan Indonesia yang menghasilkan tiga pola iaitu bahasa Indonesia atau bahasa Inggeris sahaja atau gabungan kedua-dua bahasa.

Nama bahasa Inggeris lebih digemari iaitu sebanyak 16 kediaman (*Emerald Garden*, *Golden Wood*) berbanding 5 kediaman (*Griya Indah Kradenan*, *Bukit Mutiara Jaya*) yang memilih bahasa Indonesia. Salah satu ciri penamaan tempat adalah berdasarkan praktis sosial. Misalnya *The Forest Hill* menggambarkan kawasan yang tinggi, sementara *emerald* atau *jamrud* sebagai simbol kelas sosial yang tinggi. Kajian lain dilakukan oleh Zuvalinyenga dan Libert (2019) di kawasan bandar di Zimbabwe. Kajian ini menggunakan kaedah pemerhatian turut

serta, temu bual separa struktur dan etnografi. Data dianalisis menggunakan Analisis Wacana Kritis. Hasil kajian mendapati Zimbabwe tidak mempunyai polisi untuk menamakan sesuatu tempat. Kerajaan tempatan juga tidak mempunyai dokumen yang lengkap tentang nama sesuatu tempat. Nama tempat di Zimbabwe dapat dirumuskan kepada beberapa tema, iaitu botanik (*Damba street*), hidupan liar (*the Elephants Street*), komemoratif (*Anthony Avenue*), arah (*Central Avenue*) dan metonimi (*Chawagona*).

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan kajian toponimi yang menggunakan pendekatan deskriptif lebih tertumpu pada taksonomi dan etimologi nama sesuatu tempat. Manakala, pendekatan kritis menjurus pada isu sosial dan politik yang mempengaruhi penamaan sesuatu tempat. Pendekatan deskriptif juga diaplikasi pada mukim atau daerah tertentu, sementara pendekatan kritis lebih tertumpu pada kawasan bandar. Berdasarkan penelitian, kajian toponimi di Indonesia lebih tertumpu dalam kalangan etnik majoriti, misalnya Sunda dan Jawa di Kepulauan Jawa. Tidak banyak kajian yang cuba menjelaskan toponimi yang digunakan oleh kelompok minoriti, misalnya orang Sakai di Riau. Kajian toponimi dalam kalangan minoriti lebih menarik kerana kita dapat mengetahui ketahanan (*survival*) etnik ini dari aspek bahasa dan budaya, khususnya di kawasan rural. Justeru itu, kajian ini akan cuba mengenal pasti toponimi orang Sakai di Riau berdasarkan pendekatan deskriptif.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah fotografi dan temu bual separa berstruktur. Kaedah fotografi terdiri dari dua jenis iaitu gambar yang terkumpul di arkib sama ada dokumen sejarah atau dokumen elektronik dan gambar yang diambil oleh pengkaji di lapangan. Dalam kajian ini, gambar yang berkaitan dengan toponimi diambil oleh pembantu pengkaji di kawasan kajian. Seramai 5 pelajar dari universiti tempatan di Riau telah dipilih untuk mengambil gambar seperti papan tanda, nama jalan, nama kedai, nama sekolah, nama pejabat dan nama balai raya di Mandau dan Pinggir. Proses mengambil gambar berlangsung selama 4 hari. Semua gambar telah dikumpul ke dalam *Google Drive*. Keseluruhannya, sebanyak 133 foto berjaya dikumpul iaitu di Mandau (78) dan Pinggir (55). Berikut dipaparkan contoh foto di kawasan kajian.




RAJAH 1. Kantor Kepala Desa Muara Basung



RAJAH 2. Desa Balai Pungut

Setelah disemak dan diteliti foto kajian, selanjutnya data tersebut dikategorikan berdasarkan ciri/tema tertentu yang wujud pada nama tempat. Umumnya, toponimi boleh dikategorikan sama ada secara makrotoponimi atau mikrotoponimi. Kategori makrotoponimi merangkumi kawasan geografi yang luas iaitu sempadan, negeri, bandar, banjaran gunung, laut, sungai dan pulau. Contohnya kajian yang dilakukan oleh Khusnudin et al. (2019) yang mengkategorikan nama negara di dunia dari aspek geografi manakala Khayitova (2020) meneliti toponim di Britain dan Amerika Syarikat. Manakala

kategori mikrotoponimi hanya melibatkan nama untuk objek yang kecil (Hoffman & Toth 2018), di kawasan/penempatan yang terhad kepada kelompok manusia tertentu, misalnya lembah, padang, hutan, bangunan, jalan, taman dan kuarter. Contohnya kajian toponimi di Kabupaten Tasikmalaya, Jawa Barat oleh Ujang Komara (2019) dan di Kabupaten Pandeglang, Banten oleh Afidah et al. (2020). Kajian ini termasuk dalam kategori toponimi mikro kerana kawasan yang terlibat hanya di Mandau dan Pinggir, Riau yang majoritinya didiami oleh kaum Sakai.



RAJAH 3. Daerah Mandau

Secara khususnya, kawasan kajian ini tertumpu di Mandau yang terletak Kabupaten Bengkalis. Mandau ini terbahagi kepada dua daerah iaitu Mandau dan Pinggir. Setiap daerah dipecahkan kepada subdaerah iaitu Mandau, Batin Solapan, Pinggir dan Talang Muandau. Menurut Totok (2010) kata *Mandau* berasal daripada *Biduando*. Dari segi sejarah, oleh sebab kepadatan penduduk di Negeri Pagaruyung, maka Raja Pagaruyung

telah menghantar seramai 190 orang untuk mencari pertempatan baru ke sebelah Timur. Akhirnya, rombongan ini sampai di sebuah sungai yang dinamakan sebagai *Sungai Biduando* yang bermaksud rombongan yang dipimpin oleh seorang ketua iaitu *bidu* bersama 189 orang janda (*ando*). Maka, terhasillah nama *Biduando* yang kemudian berubah menjadi *Mandau* atau *Sungai Mandau*.

Selanjutnya, pengkaji telah menemu bual beberapa tokoh Sakai untuk mengetahui faktor penamaan tempat di kawasan kajian. Kriteria pemilihan informan ialah dewasa dan pemimpin masyarakat kerana golongan ini mempunyai maklumat tentang sejarah dan persekitaran kaum mereka. Pengkaji telah berjaya menemu bual 4 orang Ketua Batin, iaitu di Daerah Pinggir, Desa Semunai, Desa Muara Basung dan Mandau. Umur informan di antara 39 – 62 tahun. Kajian ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur iaitu sejumlah soalan telah disediakan terlebih dahulu sebagai panduan. Soalan tersebut berfungsi untuk memulakan perbualan. Apabila informan berasa selesa berbual, pengkaji akan terus menggalakkan informan bercakap tanpa terikat dengan soalan. Soalan telah disesuaikan daripada Tent (2015) dan Blair dan Tent (2020) yang menjurus pada soalan WH berkaitan dengan toponim, khususnya dari segi sejarah dan geografi. Contohnya, ‘Siapa yang menamakan tempat ini?’, ‘Bilakah tempat ini mendapat nama?’, ‘Mengapa tempat ini diberi nama sedemikian?’, ‘Apakah maksud nama tempat ini?’ dan ‘Dari mana asalnya nama tersebut?’. Tujuan soalan WH ini adalah untuk membantu pengkaji mengetahui asal-usul atau motivasi penamaan sesuatu tempat secara spesifik.

Kajian ini juga mencungkil asal-usul nama tempat berdasarkan cerita lisan yang disampaikan oleh informan. Menurut Mohamad Karmin (2023):

Naming is based on oral traditions from folklore myths passed down from generation to generation by their ancestors. The oral tradition has existed for centuries. The witnesses and the cultural heritage of the past become one of the keys to tracing the nature of the toponym of an area.

Pernyataan di atas secara jelas menyatakan bahawa tradisi lisan iaitu cerita rakyat merupakan warisan budaya sesuatu kaum/bangsa yang menjadi kunci untuk menjejaki toponimi. Dalam perkataan lain, kajian ini membincangkan toponimi di Mandau dan Pinggir berdasarkan aspek geografi, sejarah dan cerita rakyat.

Pengkategorian toponimi dalam kajian ini tertumpu pada struktur dan kualiti (makna) yang ada pada sesuatu nama secara natural. Hakikatnya, leksikal toponimi memperlihatkan kepelbagaian nama tempat yang merangkumi nama objek natural dan nama objek ciptaan manusia (Khayitova 2020). Penggunaan nama objek natural termasuk dalam kategori toponimi natural, sementara nama objek ciptaan dikategorikan sebagai toponimi ciptaan (*manmade*).

Toponimi natural terdiri dari beberapa kategori objek yang mempunyai ciri semula jadi atau berunsur alam, iaitu hidronim, oronim, drimonim dan insulonim. Kategori hidronim merujuk kepada nama objek yang berkaitan dengan air seperti laut, sungai, tasik, paya, muara, telaga dan perigi. Oronim pula mempunyai unsur corak (*relief*), misalnya gunung, bukit, banjaran, lembah, gua, lubang dan gua. Selanjutnya, drimonim ialah nama yang merujuk kepada hutan. Akhirnya insulonim menggunakan nama kepulauan. Manakala toponimi ciptaan berkontras dengan natural kerana nama tersebut dicipta oleh manusia berdasarkan ciri yang tertentu. Terdapat dua jenis toponim ciptaan, iaitu horonim dan oikonim. Kategori horonim merujuk kepada nama yang dicipta berdasarkan sempadan/lingkungan/batasan – negara, pentadbiran, sejarah, geografi dan ekonomi. Kategori oikonim pula berkaitan nama pertempatan (*settlement*) sama ada di kawasan bandar atau luar bandar, termasuklah objek tempatan, misalnya blok, jalan, simpang, lorong, lebu, memorial, muzium, panggung wayang, kafe, hotel, kedai, rumah persendirian, nama perkuburan, nama tempat ibadah, bangunan dan taman.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Hasil kajian mendapati kebanyakan nama tempat (jalan atau pertempatan/kediaman) di Mandau dan Pinggir terdiri dari gabungan dua perkataan, iaitu perkataan pertama berfungsi sebagai unsur yang diterangkan, sementara unsur yang kedua sebagai unsur yang menerangkan (*modifier*). Contohnya boleh dilihat pada Jadual 2.

JADUAL 2. Diterangkan-Menerangkan

Diterangkan	Menerangkan
<i>Jalan Anggur</i>	<i>Merah</i>
<i>Jalan kayu</i>	<i>Manis</i>
<i>Gajah</i>	<i>Sakti</i>

Konsep *diterangkan – menerangkan* ini merujuk kepada peraturan D-M. Menurut peraturan ini, penyusunan rangkaian kata ialah mendahulukan yang diterangkan, misalnya *Anggur*, dan diikuti oleh unsur yang menerangkan, iaitu *Merah*. Susunan ini diguna pakai dalam sistem bahasa Melayu dan ia berbeza dengan sistem bahasa Inggeris yang menggunakan susunan M-D, misalnya *Ahmad Restaurant* iaitu unsur menerangkan mendahului unsur yang diterangkan. Susunan D-M untuk nama tempat di kawasan kajian ini terdiri dari gabungan kelas kata yang berikut:

1. kata nama + kata adjektif (*Anggur merah, Kayu Manis, Penghulu Tua*)
2. kata nama + kata nama (*Jenderal Sudirman, Permatang Pudu*)

Unsur menerangkan boleh sama ada kata adjektif (*merah, manis, tua*) atau kata nama (*Sudirman, Pudu*). Data kajian turut menunjukkan penggunaan kata nama tunggal, misalnya *Jalan Purnama* dan *Jalan Baiturrahman* dan tiga perkataan, misalnya *Dusun Makmur Harapan Baru*. Nama tempat di Mandau juga memperlihatkan penggunaan empat bahasa, iaitu:

1. perkataan Sakai, *Desa Tenggana*
2. perkataan Melayu, *Penghulu Tua*
3. perkataan Jawa, *Jalan Sidorejo*
4. perkataan Arab, *Jalan Babussalam*

Hal ini menunjukkan bahawa nama tempat di Mandau menggunakan bahasa tempatan (*Sakai, Melayu, Jawa*) dan bahasa asing (*bahasa Arab*). Dalam temu bual, informan menjelaskan bahawa daerah Mandau dan Pinggir terdiri pelbagai kaum dan etnik selain kaum Sakai, misalnya Minangkabau, Jawa, Batak, Sunda, Banjar dan Bugis. Kaum Sakai menggelar semua kaum atau etnik yang lain sebagai ‘pendatang’. Dengan ini, orang Sakai dianggap sebagai orang asal di Mandau dan Pinggir. Tentang penggunaan bahasa Arab pada nama tempat, kajian ini mendapati ia dipengaruhi oleh agama Islam. Malah, terdapat tulisan jawi pada beberapa nama jalan di Mandau. Seterusnya, dibincangkan pula kategori toponimi di Mandau dan Pinggir berdasarkan ciri ontologi yang terdapat pada sesuatu objek.

TOPONIMI NATURAL

Toponimi natural berkaitan dengan nama tempat yang diambil dari unsur alam atau semula jadi. Nama berunsur alam boleh terdiri dari flora dan fauna. Flora ialah nama yang berhubungan dengan tumbuhan, sementara flora yang berkaitan dengan haiwan. Data kajian ini memperlihatkan penggunaan nama tempat di Mandau dan Pinggir mengambil nama flora dan fauna.

JADUAL 3. Toponimi natural

Bunga	Sungai	Unsur alam
<i>Jalan Mawar</i>	<i>Sungai Sikai</i>	<i>Jalan Obor Utama</i>
<i>Jalan Kenanga</i>	<i>Sungai Mandau</i>	<i>Jalan Pelita</i>
<i>Jalan Kemuning</i>	<i>Sungai Penaso</i>	<i>Jalan Fajar</i>
<i>Jalan Anggur Merah</i>	<i>Desa Sungai Meranti</i>	<i>Jalan Purnama</i>
<i>Jalan Kayu Manis</i>	<i>Desa Muara Basung</i>	

Dapat diperhatikan bahawa kawasan kajian mengambil nama yang dekat dengan kehidupan kaum Sakai iaitu nama bunga dan pohon kayu yang menggambarkan persekitaran yang natural. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Rammile dan Matamanda (2023) bahawa ‘*Place names thus play a critical role in how people experience the environment in which they live*’. Misalnya, *Mawar* dan *kenanga* merupakan nama bunga, sementara *anggur* ialah sejenis buahan. *Cengkeh* pula merujuk kepada pohon yang mempunyai bunga yang harum

dan pedas. Bunga cengkeh digunakan sebagai rempah ratus dalam masakan atau kandungan rokok kretek di Indonesia.

Berdasarkan temu bual, informan menjelaskan bahawa kaum Sakai bergantung hidup pada sungai dan hutan. Oleh itu, banyak nama tempat yang menggunakan perkataan *sungai*, misalnya *Sungai Sikai* dan *Semunai*. Kata *Meranti*, *Sikai* dan *Semunai* merujuk kepada pohon kayu yang besar. Dalam hal ini, informan menyatakan sebenarnya kata *sungai* dalam bahasa Sakai disebut sebagai

batang. Contohnya, *sungai Mandau* disebut sebagai *batang Mandau* atau *Sungai Siak* menjadi *batang Siak*. Jika diperhatikan perkataan *sungai* sangat signifikan dalam masyarakat Sakai. Perkataan ini berkolokasi dengan nama pohon (*Sungai Sikai*) dan tempat (*Sungai Mandau*).

Kajian lepas menunjukkan nama *Meranti* turut digunakan di kawasan lain, contohnya *Kampung Meranti* di daerah Gorontalo. Berdasarkan kajian Karmin (2023), kata *meranti* bermaksud pohon yang besar dan tinggi. Nama *meranti* dipilih kerana *kampung Meranti* merupakan salah satu kampung yang menyokong kewujudan Taman Negara Nani Wartabone, melalui banyaknya pohon yang tumbuh di sini. Perbezaan nama tempat di Gorontalo dengan daerah Mandau ialah nama *Meranti* digandingkan dengan nama pertempatan ciptaan manusia (*kampung*), sementara di Mandau, *meranti* berkolokasi dengan objek natural/alam (*sungai*).

Nama tempat lain yang menggunakan bahasa Sakai ialah *Talang Mandau*. Kata *talang* merujuk kepada daratan atau tempat. Nama *Muara Basong* pula adalah gabungan nama *muara* (kuala) dan *basong* yang bermaksud kayu dalam bahasa Sakai. Berdasarkan temubual dengan informan Sakai di Mandau, nama *Muara Basong* ini telah mengalami proses penyingkatan, iaitu *muara* disingkatkan menjadi *ma*, sementara *basong* menjadi *baso* sahaja,

untuk membentuk perkataan *mabaso*. Dalam hal ini, singkatan *ma* dalam bahasa Sakai bermaksud kayu dan *baso* ialah nama sungai. Maka, *mabaso* boleh merujuk kepada nama kayu (*basong*) atau nama sungai (*Mabaso*).

Selain itu, terdapat juga nama jalan yang mengambil unsur alam seperti *Jalan Obor Utama*, *Jalan Pelita* dan *Jalan Fajar*. Perkataan *obor* dan *pelita* membawa maksud yang hampir sama iaitu berkaitan dengan api. Kata *fajar* pula berasal daripada perkataan Arab yang bermaksud terbit pagi atau dalam bahasa Melayu merujuk kepada waktu subuh atau dinihari.

Secara keseluruhannya, toponimi di kedua-dua mukim atau kecamatan cenderung menggunakan bahasa Sakai. Konsep *kecamatan* lebih tinggi tingkatnya berbanding *kelurahan*. Tingkat yang lebih tinggi daripada kecamatan ialah kapupaten (kota) dan provinsi. Kecamatan mempunyai beberapa kelurahan atau perkampungan (*desa*). Walau bagaimanapun, dalam konteks pentadbiran di Indonesia, *lurah* berbeza dengan *desa*. Lurah merupakan pegawai perkhidmatan awam yang bertanggungjawab kepada sesuatu kelurahan, sementara ketua (kepala) *desa* dipilih melalui pilihan raya kepala *desa*. Berikutnya diuraikan nama kelurahan yang menggunakan bahasa Sakai dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Kelurahan

<i>Kelurahan Batang Serosa</i>
<i>Kelurahan Titan Antui</i>
<i>Kelurahan Talang Mandi</i>
<i>Kelurahan Air Jamban</i>
<i>Kelurahan Duri Barat</i>
<i>Kelurahan Gajah Sakti</i>
<i>Kelurahan Balik Alam</i>
<i>Kelurahan Pematang Pudu</i>
<i>Kelurahan Duri Timur</i>
<i>Kelurahan Harapan Baru</i>
<i>Kelurahan Balai Pungut</i>
<i>Kelurahan Babussalam</i>

Secara keseluruhannya terdapat 12 kelurahan di Mandau dan Pinngir. Kebanyakan nama kelurahan menggunakan bahasa Sakai, misalnya *Batang Serosa*, *Titan Andui*, *Talang Mandi* dan *Air Jamban*. Kelurahan Batang Serosa terletak di Kecamatan Mandau. Manakala Titan Antui merupakan kelurahan yang terletak di Kecamatan

Pinngir. Sebahagian besar kelurahan Titan Antui berasal dari rumpun Melayu. Oleh itu, kelurahan ini masih mengamalkan adat dan budaya Melayu. Informan kajian menjelaskan bahawa dalam bahasa Sakai nama *Talang Mandi* merujuk kepada tempat mandi. Nama *Air Jamban* pula mempunyai konotasi yang negatif iaitu tempat membuang air atau jamban

(tandas). Selain itu dalam bahasa Sakai, kata *jamban* boleh juga merujuk kepada tempat mandi atau sungai. Oleh itu, *air jamban* boleh diertikan sebagai tempat mandi.

Seterusnya, *Kelurahan Balai Pungut* terletak di bahagian Selatan Kecamatan Pinggir. *Balai pungut* merujuk kepada tempat pemungutan pajak. Balai Pungut dikatakan desa tertua suku asli di daerah tersebut iaitu suku Melayu Sakai. Daerah Balai Pungut juga merupakan salah satu desa asal tempat suku Melayu yang pertama.

Selain nama yang berunsur flora, ada juga nama fauna di kawasan kajian misalnya *Gajah Sakti*. Menurut informan, nama tempat *Gajah Sakti* berkaitan dengan kisah gajah mengamuk

dan memijak orang sampai mati. Cerita ini sudah menjadi terkenal dalam kalangan Sakai dan telah diperturunkan daripada satu generasi ke generasi yang lain.

TOPONIMI CIPTAAN

Toponimi ciptaan ialah nama yang dicipta oleh manusia berdasarkan faktor geografi dan sejarah. Nama ciptaan di kawasan kajian menunjukkan percampuran bahasa Sakai, Jawa dan Melayu. Nama tersebut merujuk kepada nama umum atau khusus. Nama umum terdiri dari kata nama am, sementara nama khusus mengambil nama tokoh nasional atau tempatan.

JADUAL 5. Toponimi ciptaan

Jenis toponimi	Nama
Komemoratif	<i>Jalan Jenderal Sudirman</i>
	<i>Jalan Tambusai</i>
	<i>Jalan Imam Bonjol, Babussalam</i>
	<i>Jalan KH. Ahmad Dahlan, Balik Alam</i>
	<i>Jalan KH Abd. Rahman</i>
	<i>Jalan Baiturrahman</i>
	<i>Jalan Mahadi</i>
	<i>Jalan Hang Tuah</i>
	<i>Bathin Solapan</i>
	<i>Jalan Bathin Tarak</i>
Tokoh tempatan	<i>Jalan Bathin Betuah</i>
	<i>Jalan Bathin Muojolelo</i>
	<i>Jalan Penghulu Tua</i>
	<i>Jalan Aman</i>
	<i>Jalan Damai</i>
Am	<i>Jalan Perjuangan</i>
	<i>Jalan Rokan</i>
	<i>Jalan Pakih Betuah</i>
	<i>Jalan Kayangan Duri</i>
	<i>Kampung Tenggana</i>
	<i>Desa Balai Pungut</i>
	<i>Desa Buluh apo</i>
	<i>Desa Semunai</i>
	<i>Desa Pinggir</i>
	<i>Desa Pangkalan Libut</i>
Petempatan	<i>Jalan Dusun Makmur</i>
	<i>Jalan Dusun Tambusu</i>
	<i>Jalan Perkebunan</i>

Penggunaan nama jalan di kawasan kajian boleh dibahagikan kepada dua iaitu nama komemoratif dan tokoh tempatan. Komemoratif merujuk kepada nama yang diberikan sebagai tanda ingatan atau penghormatan terhadap orang atau tokoh yang telah menyumbang kepada negara (Khayitova 2020). Pemilihan nama komemoratif agak tipikal di kebanyakan negara di dunia. Misalnya, Jenderal Sudirman merupakan pahlawan nasional Indonesia. Nama tokoh nasional ini boleh ditemui di kebanyakan tempat di Indonesia, termasuk di Pekan Baru dan Jakarta. Situasi yang hampir sama berlaku di Malaysia, misalnya nama Perdana Menteri Malaysia yang pertama iaitu Tunku Abdul Rahman telah digunakan pada beberapa nama jalan di Kuala Lumpur dan Johor Bharu. Nama *Jalan Hang Tuah* pula melangkaui batasan geografi kerana turut ditemui di Pekan Baru dan di Malaysia, misalnya Melaka.

Hal ini berbeza dengan negara Barat, misalnya nama *Washington* atau *Baltimore* hanya boleh ditemui di kawasan tertentu. Dalam perkataan lain, penggunaan nama komemoratif di Indonesia tidak terikat dengan faktor geografi tetapi berdasarkan faktor sejarah. Manakala nama komemoratif di Barat lebih berdasarkan faktor geografi sahaja. Nama jalan lain yang mengambil nama tokoh ialah *Jalan KH. Ahmad Dahlan* dan *Jalan KH Abd. Rahman*. Ahmad Dahlan merupakan pemimpin Islam yang menubuhkan organisasi terbesar Islam di Indonesia, sementara Muhammadiyah ialah presiden Indonesia yang keempat. Selain itu, digunakan juga nama jalan sempena tokoh lain misalnya *Jalan Tambusai* dan *Jalan Imam Bonjol*. Kedua-dua nama ini, iaitu *Tambusai* (*TuanKu Tambusai*) dan *Imam Bonjol* (*TuanKu Imam Bonjol*) merupakan pejuang Melayu Riau yang menentang penjajah Belanda dan menyatukan pelbagai etnik. TuanKu Tambusai kemudiannya telah diangkat sebagai Pahlawan Nasional Republik Indonesia.

Penggunaan nama tokoh tempatan pula berkaitan dengan kaum Sakai, misalnya *Jalan. Bathin Muojolelo* dan *Jalan. Bathin Tarak*. Dalam hierarki tradisional kaum Sakai, bathin merupakan ketua suku yang dibantu oleh Tungkek, Antan dan Monti (Fina Musta'ina et al. 2017). Jawatan batin bermula dari kerajaan Siak yang berfungsi menguruskan sistem adat atau undang-undang kaum Sakai. Lazimnya, jawatan batin diwarisi dari ayah yang dianggap berilmu, berwibawa, selain

menguasai ilmu ghaib (Elly, Yasnel & Mirawati 2019). Terdapat juga penggunaan nama *penghulu*, misalnya *Jalan Penghulu Tua*. Kata *penghulu* bermaksud ketua kampung/negeri, kepala adat atau kepala urusan agama Islam di daerah tertentu. Manakala perkataan *bathin* (atau batin) pula merujuk kepada ketua atau kepala suku Sakai (Totok 2010). Justeru itu, bidang kuasa penghulu lebih luas berbanding bathin.

Toponimi yang berkaitan nama am pula digunakan untuk nama jalan, misalnya *Jalan Damai*, *Jalan Perjuangan*, *Jalan Kayangan*, *Jalan Rokan* dan *Jalan Pakih Betuah*. Perkataan *damai*, *perjuangan*, *kayangan* dan *rokan* merupakan kosa kata bahasa Melayu. Kata *rokan* dari segi etimologi bermaksud damai atau rukun. Kata *pakih* dalam *Jalan Pakih Betuah* berasal daripada kata *fakih* dalam bahasa Arab yang bermaksud orang yang memahami peraturan syariat Islam, sementara *betuah* merujuk kepada sakti atau keramat. Kata *betuah* telah mengalami pengguguran konsonan /r/ di tengah suku kata *bertuah* iaitu sesuai dengan gaya sebutan dalam bahasa Sakai.

Seterusnya, toponimi ciptaan banyak merujuk kepada pertempatan luar bandar (*rural settlements*), misalnya *desa* atau *kampung*. Kawasan kajian ini lebih cenderung menggunakan nama *desa* berbanding *kampung*. Nama *desa* merujuk kepada tempat, misalnya *Desa Balai Pungut*. Penggunaan nama tempat *Balai Pungut* berkaitan dengan fungsi balai iaitu tempat perkumpulan batin Sakai. Perkataan *semunai* dalam bahasa Sakai pula merujuk kepada batang atau pohon kayu yang besar. Seterusnya perkataan *Tengganau* pada nama *Kampung Tengganau* juga diambil daripada bahasa Sakai. Menurut informan, nama *tengganau* berasal daripada dua perkataan iaitu *entah* dan *onong*. Perkataan *tambusu* dalam *Dusun Tambusu* pula berasal daripada *tembusu* yang merujuk kepada sejenis tumbuhan. Selain kata *dusun*, digunakan juga nama *perkebunan*. Secara amnya, *dusun* adan *kebun* mempunyai maksud yang hampir sama iaitu tempat bercucuk tanam. Penggunaan kedua-dua perkataan ini berkaitan dengan komuniti kaum Sakai yang bergantung hidup kepada sumber alam.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, bahasa Sakai agak dominan digunakan untuk menamakan tempat di daerah

Mandau dan Pinggir berbanding bahasa Melayu dan Jawa. Hal ini merupakan salah satu strategi orang Sakai mempertahankan dan menonjolkan identitas penutur bahasa Sakai. Dari aspek toponimi, penamaan tempat di kawasan kajian banyak menggunakan kedua-dua jenis toponimi iaitu natural dan ciptaan. Toponimi natural mengambil unsur alam sebagai objek, misalnya nama sungai, dusun dan kelurahan (*Sungai Sikai, Jalan Dusun Tambusu, Kelurahan Titan Antui*). Manakala toponimi ciptaan terdiri dari nama jalan dan desa (*Jalan Bathin Tarak, Jalan Bathin Betuah, Desa Semunai*). Pemilihan nama tempat ini dipengaruhi oleh faktor alam semula jadi, latar belakang sejarah dan sosiobudaya orang Sakai di kawasan kajian.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Gadjah Mada, Indonesia dengan kod projek 2566/UNI.FIB/UP2M/2023. Projek ini bertajuk '*The divergence of Malay-ness of toponyms at Kecamatan Mandau and Pinggir, in Bengkalis, Riau, Indonesia*'.

RUJUKAN

- Afidah, N.N. A Kosasih, W Damayanti, S Hamidah, R H Nugraha, M W Rizkianfi & A Fuadin. 2020. The Kadu Lexicon Local Wisdom of Geographic's Toponymic at Pandeglang Regency, Banten Province. *4th IGEOS: International Geography Seminar 2020*. 1-8.
- Asmah Haji Omar. 1987. 'Linguistic Consideration in the Treatment of Place-names'. Dalam *Malay in its sociocultural context*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blair, D. & Tent, J. 2020. Toponym Types: A Revised Typology of Place Naming. *ANPS technical paper*, No. 5: 1-15.
- Burhanuddin. 2021. Bahasa Sakai sebagai Variasi Melayu: Tinjauan Aspek Linguistik Diakronis. *Ranah: Jurnal Kajian Bahasa* 10(2): 326-340.
- Duond Thi Ngu. 2021. Method of Naming Places with Original Elements of Ethnic Minority Languages in Tuyen Quang Province. *International Journal of Humanities and Social Science Invention* 10(5): 11-13.
- Ellya Roza, Yasnel & Mirawati. 2019. Akulturasi Islam dalam Adat Pengesahan Perkawinan Suku Sakai Solapan Kabupaten Bengkalis, Riau. *Jurnal TSAQAFAH* 15(1): 49-66.
- Erna Mahyuni. 2018. *The Sakai and Jakunare People, not Insults*. Malay Mail, Wed. 24 Jan. 2018.
- Fina Musta'ina, Muhammad Sandra, Ikhsan Hidayat, Siti Kuramin, Fanji Suteja & Mita Rosaliza. 2017. *The Local Wisdom of the Sakai tribe in Mandau, Bengkalis Regency in Preserving Forest and River: Symbolic Interaction*. Proceeding the 5th Asian Academy Society International Conference. Thailand. Hlm. 135-142.
- Hoffman, I. & Toth, V. 2018. Theoretical Issues in Toponym Typology. *Annals of the Austrian Geographical Society* 160: 281-302.
- Intan Siti Nughara, Lia Maulia Indrayani & Ypsi Soeria Soemantri. 2020. Place-naming (toponymy) of Kecamatan in Bandung: A Morphological Study. *Journal of Language Teaching and Learning, Linguistics and Literature* 8(1): 126-136.
- Khvesko, T.V. 2014. Interdisciplinary approach to British place-names studies. *Procedia Social and Behavioral Sciences* 154: 402-406.
- Khayitova Feruza Abdikhalikovna. 2020. Principles of Toponyms (place names) Classifications. *International Journal of Multicultural and Multireligious understanding* 7(6): 73-79.
- Khusnudin Bayqabilov, Asqar Nigmatov, Mirali Mirackmalov & Nurbol Karakulov. 2019. Toponomic Analysis of World Countries: Degree of Learning, Toponomic Classification and Natural Geographical Aspects. *International Journal of Recent Technology and Engineering (IJRTE)* 8(4): 814-819.
- Madden, D.J. 2017. *Pushed off the Map: Toponymy and the Politics of Place in New York City*. Urban Studies. LSE Research Online.
- Mohamad Karmin Baruadi, Sunarty Suly Eraku, Novriyanto Napu & Hendra. 2023. The Toponymy of Village Names in Gorontalo, Indonesia. *Theory and Practice in Language Studies* 13(4): 1016-1022.
- Malak Alasli. 2019. Toponyms' contribution to identity: the case study of Rabat (Morocco). *Proceedings of the International Cartographic Association* 2: 1-7.
- Nagata, S. 2006. Subgroup 'names' of the Sakai (Thailand) and the Semang (Malaysia): A literature survey. *Anthropological Science* 114: 45-57.
- Nurhayati. 2018. Toponymy and Branding of Modern Residential Sites in Semarang. *E3S Web of Conferences* 73: 1-4.
- Parsudi Suparlan. 2000. Ethnicity and Nationality among the Sakai: The Transformation of an Isolated Group into a Part of Indonesian Society. *Antropologi Indonesia* 62: 56-75.
- Porath, N. 2018. The orang Batin/orang Sakai in the Malay Kingdom of Siak Sri Indrapura. *Asian Ethnology* 77(17): 285-305.
- Radding, L. 2008. What's in a Name? How toponyms connect language and society through place. *Syracuse University Honors Program Capstone Projects*. 541. https://surface.syr.edu/honors_capstone/541.
- Rammile, S.N. & Matamanda, R.A. 2022. A placed called home: understanding toponyms. *58th Isocarp World Planning Congress from Wealthy to Healthy Cities*. 3-6 Oktober 2022, Brussels, Belgium. 1-9.
- Sukma Erni & Cut Raudhatul Miski. 2022. Lift-shifthing phenomena of Sakai women in Riau. *Journal Kafa'ah* 12(1): 72-81.
- Tent, J. 2015. Approaches to research in toponymy. *Names A Journal of Onomastics* 63(2): 65-74.
- Totok Isdarwanto dan Zulfa. 2010. Suku Sakai dalam tiga kekuasaan di Riau. *Jurnal Ilmu Budaya* 6(2): 1-11.
- Tuan Pah Rokiah Syed Hussain, Devanamy S. Krishnasamy & Asan Ali Golam Hassan. 2017. Distribution and demography of the Orang Asli in Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science Invention* 6(1): 40-45.

Mohammad Fadzeli Jaafar
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan
Malaysia, Malaysia
E-mel: fadzeli@ukm.edu.my
Pengarang koresponden

Sailal Arimi
Fakultas Ilmu Budaya, Universitas Gadjah Mada, Indonesia
E-mel: sailal-arimi@ugm.ac.id

Sukma Erni
Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan
Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Indonesia
E-mel: sukma.erni@uinsuska.ac.id

Zaidi Ismail
Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia
E-mel: zaidi_i@_dbp.gov.my

Ujang Komara, Cece Sobarna, Gugun Gunardi & Ahman Sya.
2019. A linguistic study of toponymy and environmental
identity in Sundanese ethnic *International Journal of
Innovation, Creativity and Change* 8(3): 398-412.

Wahyu Fajar Nur Setyo, Chatarina Muryani & Nurhadi
Nurhadi. 2022. Toponymic and historiography influences
on placing naming of villages in Kego District, Indonesia.
3rd International Conference of Geography and Education,
89-100. DOI 10.18502/kss.v7i16.12155

Zuvalinyenga, D. & Alan Libert. 2019. An analysis of the
relationship between toponymy and a variety of historical
and cultural specificities in the discursive construction of
identity in a regional town in Zimbabwe. *Journal of the
International Council of Onomastic* (Onoma 54): 77-98.